

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

**MENTAL
HEALTH**

PK
LULUT
UNING

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**


*Memberi Kesan kepada
Usahawan Persisiran Pantai*

**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

HIDUP BEBAS HUTANG: HIJRAH GAYA HIDUP MENUJU TENANG

ANITA MD. SHARIFF
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU
EMEL KORESPONDEN: ANITA723@UTM.EDU.MY

DALAM DUNIA HARI INI yang semakin mencabar, hutang sering menjadi jalan pintas untuk merealisasikan impian. Namun realitinya, hutang boleh menjadi beban psikologi serta menjejaskan kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat dan agama. Ramai tidak menyedari bahawa sistem kewangan konvensional berasaskan hutang dan riba menyumbang kepada masalah ekonomi seperti inflasi dan pengangguran. Justeru, hidup bebas hutang bukan sekadar berkisar tentang soal kewangan, tetapi satu perjalanan hijrah menyeluruh merangkumi aspek rohani, mental dan fizikal.

1. Niat, Taubat dan Azam

Segala perubahan bermula dengan niat. Rasulullah SAW bersabda: **"Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat."** (HR Bukhari & Muslim)

Bagi yang telah terjerumus dengan hutang, bertaubatlah dengan sebenar-benar taubat atas segala kelalaian yang lalu. Mohon ampun kepada Allah atas keputusan yang terburu-buru, keinginan dunia, atau gaya hidup di luar kemampuan sebenar. Bayaran tambahan daripada jumlah asal pinjaman, atau pembiayaan lain yang melebihi harga asal—itulah yang dinamakan riba. Allah berfirman:

"Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."

(Surah Al-Baqarah: 275)

Riba adalah dosa besar yang boleh menghilangkan keberkatan rezeki dan ketenangan hidup. Maka, bertaubatlah dengan azam untuk keluar dari belenggu hutang serta untuk tidak kembali kepadanya.

2. Ubah Pola Fikir dan Cara Hidup

Masyarakat hari ini mengangkat gaya hidup mewah sebagai simbol kejayaan, sehingga memaksa seseorang itu berhutang. Oleh itu, untuk hidup bebas hutang, ianya menuntut satu anjakan paradigma, iaitu keberanian untuk keluar daripada arus perdana dan memilih gaya hidup yang lebih realistik.

Ubah cara pandang terhadap harta: jangan terlalu mengejar pemilikan segera, sebaliknya utamakan pemilikan sebenar. Penghutang perlu sedar bahawa aset yang belum habis dibayar sebenarnya masih menjadi milik bank dan berisiko dirampas jika bayaran gagal dijelaskan.

Tinggalkan mentaliti "biar papa asal bergaya" atau "biar berhutang asal nampak kaya", dan gantikan dengan hidup sederhana yang berpaksikan keperluan, bukan kehendak. Tukar pola fikir daripada "sanggup berhutang demi status" kepada "sanggup bersabar demi ketenangan".

Allah SWT mengingatkan: **"Janganlah kamu terlalu gembira dengan kemewahan itu, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan."**

(Surah Al-Qasas: 76)

Yakinlah bahawa tanpa hutang, kita masih mampu memiliki aset secara tunai. Malah, mereka yang tidak berhutang berpotensi untuk memiliki lebih banyak kerana tidak terbeban dengan riba, serta mampu bersedekah lebih banyak sebagai bekalan akhirat.

3. Semakan Kewangan

Langkah seterusnya untuk bebas hutang ialah melakukan semakan kewangan secara menyeluruh. Senaraikan semua hutang, pendapatan dan perbelanjaan secara terperinci. Sediakan bajet bulanan yang realistik dan susun pelan pembayaran semula hutang berdasarkan keutamaan. Kurangkan perbelanjaan tidak perlu dan salurkan lebihan wang kepada pembayaran hutang.

Tangguhkan segala perancangan bukan keperluan seperti melancong, menukar kereta baharu, membeli perabot atau gajet terkini. Fokus kepada penyelesaian hutang. Begitu juga dengan niat untuk menunaikan umrah atau haji, perlu ditangguhkan sehingga hutang selesai, agar perjalanan suci tersebut benar-benar mabrur dan diberkati. Sesungguhnya, Allah maha mengetahui keikhlasan dan pengorbanan hambaNya.

Sekiranya berkemampuan, usahakan mencari sumber pendapatan tambahan melalui kerja sampingan, jualan kecil-kecilan atau menjana pendapatan melalui kemahiran tertentu. Setiap ringgit yang diijamatkan atau diperoleh dapat mempercepatkan usaha keluar dari belenggu hutang.

4. Pengorbanan

Kebebasan daripada hutang perlu dibayar dengan pengorbanan. Antara langkah yang boleh diambil ialah menggunakan semua simpanan yang ada, contohnya simpanan ASB, Tabung Haji dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Tinggalkan sedikit sebagai dana kecemasan. Selain itu, aset seperti saham dan emas juga boleh dicairkan bagi tujuan membayar hutang. Memandangkan harga emas kini tinggi, bolehlah mempertimbangkan untuk membeli emas apabila harga turun. Namun, perlu berhati-hati. Strategi ini hanya sesuai jika emas disimpan dalam jangka masa Panjang, kerana nilai spread yang tinggi boleh menyebabkan kerugian jika dijual dalam tempoh singkat. Jika penghutang tidak bersedia mengambil risiko, adalah lebih baik menggunakan terus simpanan sedia ada untuk membayar hutang berbanding membeli emas. Sekiranya perlu, boleh juga mempertimbangkan untuk tamatkan polisi insurans atau takaful untuk dapatkan cash value segera. Walaupun rugi sedikit, ia tetap membantu menampung bayaran hutang.

Selain itu, menggunakan kaedah *prepayment* juga dilihat sebagai satu langkah berkesan. Bayar lebih dari jumlah ansuran bulanan bank, dan fokuskan kepada pokok hutang. Contohnya, prepayment 5 peratus daripada pinjaman perumahan boleh mengurangkan tempoh pinjaman sehingga lebih 20 peratus. Dengan ini, penghutang dapat memendekkan tempoh bayaran dan melangsaikan hutang dengan lebih cepat.

5. Istiqamah dan Sabar

Usaha ini tidaklah mudah dan bukanlah boleh diselesaikan dalam tempoh singkat. Akan ada pelbagai cabaran seperti godaan gaya hidup, tekanan sosial dan rasa putus asa. Namun, Allah berjanji:

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah: 153)



Kekalkan motivasi melalui doa. Amalkan doa Nabi SAW:

"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada bebanan hutang dan penindasan manusia." (HR Abu Daud)

Jangan malu untuk mendapatkan nasihat atau sokongan daripada ahli keluarga dalam perancangan ini agar pengorbanan yang dibuat dapat sama-sama difahami. Sokongan ini amat penting dalam usaha keluar dari belenggu hutang.

Penutup

Hidup bebas hutang bukan mustahil. Ia perlukan niat yang ikhlas, perubahan minda, disiplin kewangan dan kekuatan jiwa. Ketenangan hidup bukannya datang dari harta, tetapi ianya datang dari hidup bebas hutang dan riba, rasa qanaah dan syukur dengan apa yang ada. *Allahu'alam.*





BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com